

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status kewangan terkini untuk syarikat Indah Water Konsortium. Baru-baru ini, terdapat kes di mana tarif caj pembedaan untuk lot-lot kedai telah dinaikkan daripada RM8/- sebulan ke RM20/- sebulan atas alasan Peningkatan Nilai Premis. Sejak bila, asas dan berapa lot-lot kedai yang terlibat dalam peningkatan nilai premis ini

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kedudukan kewangan IWK pada masa ini amat meruncing dengan kerugian terkumpul syarikat direkod sehingga 31 Disember 2013 mencecah RM1.2 billion. Faktor utama adalah disebabkan oleh kadar tarif semasa yang rendah di mana tiada kenaikan semenjak tahun 1994 malah mengalami penurunan pada setiap kali semakan yang dipohon pada tahun 1998, 1999 dan 2004. Keadaan ini mengakibatkan IWK menghadapi defisit operasi yang semakin meningkat setiap tahun.
2. Kaedah pengebilan yang digunakan oleh IWK adalah selaras dengan peruntukan undang-undang subsidiari yang terkandung di dalam **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembedugan (Caj) 1994** dan telah digunapakai sejak tahun 1997 sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kadar caj asas yang dikenakan kepada pengguna komersil adalah mengikut nilai tahunan premis yang dinilai oleh Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT). Terdapat 21 jalur caj asas yang dikategorikan untuk premis komersil dengan kadar caj terendah bermula dari RM8.00 kepada kadar caj tertinggi iaitu RM9,600.00 sebulan.

4. Semasa pengambilalihan loji rawatan kumbahan oleh IWK, lot-lot kedai berkenaan masih belum mempunyai nilai tahunan. Sehubungan itu, IWK telah menggunakan kadar caj yang terendah iaitu RM8.00 sebagai kadar caj asas sehingga maklumat nilai tahunan premis komersil tersebut diperolehi daripada PBT.

5. Berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi daripada PBT, lot-lot kedai berkenaan mempunyai nilai tahunan di antara RM5,001.00 sehingga RM10,000.00. Oleh yang demikian, IWK telah mengebil premis komersil tersebut berdasarkan kepada nilai tahunan terkini. Justeru itu, kadar caj asas yang perlu dikenakan adalah sebanyak RM20.00 sebulan.
